

Pemimpin sejati sedia korban, berjiwa tenang

KUALA LUMPUR: Pemimpin sejati adalah mereka yang membuat pertimbangan berdasarkan petunjuk moral yang kukuh dan mempunyai jiwa yang tenang serta berani membuat pengorbanan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kerana suasana dunia yang kompleks pada masa ini tidak menawarkan pilihan mudah untuk pemimpin membuat keputusan.

'Akhirnya, ia bergantung kepada pertimbangan dan apa yang saya panggil hikmah. Pemimpin sejati adaiah mereka yang membawa bersama-sama ilmu mereka, sama ada konglomerat atau negara.

"Pemimpin sejati adalah mereka yang menimbang implikasi setiap pilihan dan menggunakan pertimbangan untuk mendatangkan hasil sebaik mungkin," katanya dalam ucapan perasmian Forum Kepemimpinan Global, di sini, semalam.

Ucapan Abdullah yang juga Menteri Kewangan, dibacakan oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Menyentuh cabaran globalisasi semasa, Abdullah berkata negara membangun, termasuk Malaysia, kini dalam tempoh peralihan dan cuba melakukan perubahan model ekonomi daripada yang berasaskan pembua-

tan dan komoditi kepala yang berasaskan tambah nilai dan pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, daya peralihan dan perubahan menuntut pemimpin mantap kerana sebahagian dan padanya adalah di luar kawalan, iaitu akibat globalisasi dan liberalisasi, manakala sebahagian lagi adalah daya yang dihasilkan sendiri akibat tindak balas terhadapnya.

"Kombinasi daya berkenaan memerlukan pengurusan bijak perubahan yang terbentuk dalam negara. Globalisasi mungkin daya pantas yang sentiasa berkembang, terutamanya dalam era teknologi maklumat dan komunikasi.

"Namun, aspek dalaman sesebuah negara-budaya perniagaan, isu tempatan, kemahiran dan identitinya adalah hasil amalan berdekad, jika tidak pun berkurun, lamanya. Aspek ini sudah sebatu dalam masyarakat," katanya.

Abdullah berkata, itulah hakikat yang jarang disebut atau dihargai kerana ramai pemikir atau penulis sering menguar-uarkan manfaat "kemusnahan kreatif" atau "kemusnahan menambah nilai".

"Ia mungkin boleh diterima di peringkat syarikat atau industri. Bagaimanapun, di peringkat makro atau negara, skala kemusnahan yang dibayangkan itu tidak mungkin diterima.

'Hakikatnya, banyak negara bergelut dalam mengimbangi rentak transformasi dalaman dengan tuntutan perubahan luaran. Dalam ayat mudah, banyak 'negara bergelut bagi mengurus kepayahan perubahan ini," katanya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, tugas rumit pemimpin ialah menghalang dengan sebaik mungkin kemiskinan dan kebajikan dalam keadaan yang menguntungkan mereka yang sudah memiliki kelebihan untuk bersaing.

*"Pemimpin sejati
adaiah mereka
yang membawa
bersama-sama ilmu
mereka, sama ada
konglomerat atau
negara"*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri